

**Majlis Amanat dan Ikrar Pelajar Baru Pascasiswazah bagi sesi  
2009/2010 ini 15 Julai 2009.**

Bismillahir Rahmannir Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terima kasih kepada Saudara Pengacara Majlis

Para Pegawai Utama dan Kanan Universiti, Para pensyarah, tuan-tuan, puan-puan dan saudara-saudari yang dihormati sekalian

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limah kurniaNya maka dapat kita bersama pada petang yang ceria inibagi menyempurnakan Majlis Amanat dan Ikrar Pelajar Baru Pascasiswazah bagi sesi 2009/2010 ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada para pelajar baru Pascasiswazah pada sesi ini yang telah berjaya terpilih dan memilih untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana di Universiti Malaysia Sabah.

Sesungguhnya Universiti Malaysia Sabah merupakan pilihan tepat untuk melanjutkan pengajian kerana ia merupakan simbol ketinggian ilmu di Bandaraya Kota Kinabalu. Selain infrastruktur yang serba moden dan lengkap, Universiti Malaysia Sabah amat menitikberatkan kualiti akademik di samping memberi keutamaan dalam aktiviti penyelidikan. Ini sejajar dengan aspirasi ke arah mencapai universiti bertaraf penyelidikan.

Menjelang tahun 2020, Kementerian Pengajian Tinggi telah mensasarkan sekurang-kurangnya enam (6) buah universiti mencapai prestasi untuk diklasifikasikan sebagai universiti penyelidikan. Sehubungan itu, bagi membantu KPT mencapai sasaran itu, Universiti Malaysia Sabah, selaku Universiti Berinovatif yang sentiasa menuju ke arah kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu beraspirasi

untuk menjadi salah sebuah Universiti Penyelidikan ataupun (Research University) menjelang tahun 2015 yang akan datang.

Dalam mengotakan hasrat mencapai taraf Universiti Penyelidikan, UMS perlu mempersiapkan diri dengan segala keperluan dan perlu melakukan transformasi bermula dari sekarang. Salah satu persediaan yang perlu dititikberatkan ialah meningkatkan bilangan kemasukan pelajar Pascasiswazah pada setiap sesi kemasukan. Peranan Pusat Pengajian Pascasiswazah (PPPS) bagi mencapai misi khas ini ialah mempromosikan pengajian Pascasiswazah di dalam dan luar Negara. Ianya adalah bertujuan untuk meningkatkan bilangan pelajar yang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana di universiti ini.

Usaha ini telah pun dilaksanakan di peringkat PPPS dengan kerjasama Bahagian Perhubungan Korporat dan juga Pusat Hal Ehwal Antarabangsa dalam menjayakan aktiviti promosi baik di dalam, mahupun luar Negara. Dan hasilnya, didapati terdapat peningkatan bilangan kemasukan pelajar Pascasiswazah bagi sesi 2009/2010 ini iaitu lebih kurang sebanyak 30%. Apa yang diharapkan, bilangan ini akan bertambah pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan-tuan, puan-puan dan saudara-saudari sekalian,

Selain pertambahan bilangan kemasukan pelajar, Universiti Malaysia Sabah juga amat menitikberatkan tentang kualiti kesarjanaan akademik baik di peringkat prasiswa mahupun Pascasiswazah, dan juga seluruh warga kampus khususnya tenaga akademiknya. Dalam mencapai misi dan visi universiti, seluruh warga UMS perlu memiliki ciri-ciri yang berkualiti demi mendapt pengiktirafan di peringkat antarabangsa menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan serta khidmat masyarakat.

Sebagai pelajar Pascasiswazah, saudara-saudari juga merupakan sebahagian dari warga kampus yang boleh menyumbang kepada kecemerlangan akademik serta mencapai pengiktirafan di peringkat global. Melalui wacana ilmu, kajian-kajian atau

penemuan-penemuan terbaru hasil penyelidikan saudara-saudari selama berada di kampus ini, boleh mengangkat martabat universiti di mata masyarakat secara amnya. Selain itu, nilai-nilai diri yang positif seperti perkongsian ilmu pengetahuan, tekun belajar, berusaha memperbaiki diri, berfikiran telus dan terbuka, berani serta berkeyakinan, akan dapat meningkatkan daya keintelektualan masing-masing.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

Di pihak UMS pula, pelbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan demi mencapai objektif, misi dan visi universiti. Kepelbagaian kemudahan dan infrastruktur telah diwujudkan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Ini termasuklah prasarana dan kemudahan penyelidikan yang lengkap dan serba moden, demi menyemarakkan lagi penemuan-penemuan baru dan penyelidikan yang boleh dibanggakan dan diiktiraf dunia.

Sebagai salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam di Negara ini, UMS menggalas tanggungjawab yang amat besar dalam memperkasa dan memantapkan minda para pelajar menjadi graduan yang bukan sekadar mengejar segulung ijazah di akhir pengajian mereka, malah mempunyai kemahiran insaniah iaitu *softskill* yang tinggi sebaik meninggalkan universiti ini sebagai graduan dan Alumni yang menjadi kebanggaan universiti ini.

Justeru itu, bersempena dengan Majlis Amanat ini juga, saya berharap agar para pelajar Pascasiswazah, dapat menyematkan sikap serta nilai-nilai diri yang positif bermula dari saat ini, serta memanfaatkan segala peluang yang ada sehinggalah anda berjaya menggenggam Ijazah kedua atau ketiga dalam hidup anda pada hari anda bergraduasi kelak.

Dengan ini, saya akhiri amanat ini dengan lafaz wabillahi taufik wal hidayah Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

